

KERATAN AKHBAR AKTIVITI SUKAN DAN PENCAPAIAN ATLET SEPANJANG TAHUN



facebook.com/UniPutraMalaysia



[@uputramalaysia](https://twitter.com/uputramalaysia)



instagram.com/uputramalaysia



youtube.com/user/bppupm

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE I

Sukan MASUM

UPM Ungguli Acara Renang & Squasy



Pemenang acara renang rampaian perempuan bergambar kenangan bersama Mohamad Rafie Jusoh, selaku Ketua Pusat Sukan dan Himpunan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dari Asah.



Dr. Asiah Mohd. Pilus, selaku Ketua Pusat Sukan UTeM semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang acara renang.

dan 16 gangsa manakala tempat ketiga diraih pasukan Universiti Teknologi MARA (UTeM) dengan sembilan emas, 12 perak dan enam gangsa.

Bagi acara squash yang berlangsung di Kompleks Squash Hang Jebat pula, atlet dari UPM cemerlang setelah mengon-

dol Juara bagi acara lelaki dan wanita manakala Ivan Yuen Chee Wern dan Pushpa P. Devi.

Sementara itu Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengungguli acara Taekwondo Poomsae berpasukan lelaki dan campuran di Kompleks Sukan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di sini.

Manakala pasukan Universiti Sains Malaysia (USM) pula menjadi Johan bagi acara wanita berpasukan dan individu melalui Jocelyn Chai Shwu In.

Tempat kedua dimenangi pasukan USM dengan 10 emas, lapan perak

Sukan Siri 1 ini anjuran MASUM dengan menjadikan UTeM sebagai tuan rumah di mana sebanyak tiga acara sukan telah dipertandingkan pada kejohanan selama tiga hari di Kompleks Sukan UTeM dan Kompleks Sukan Negeri Melaka di Krubong.

Hampir 400 pegawai dan atlet dari 16 IPTA seluruh Malaysia telah bertanding dalam ketiga-

ketiga acara ini dan antara universiti yang bertanding di kejohanan ini ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

UTeM hanya bertanding dalam acara taekwondo (Poomsae) dengan 10 atlet bagi acara individu dan berpasukan.

Oleh ROSLAN MOHAMAD

AYER KEROH: UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) telah mengungguli acara renang dan squash di Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Siri 1.

Bagi acara renang lelaki dan wanita yang berlangsung di Kompleks Sukan Stadium Hang Jebat kelmarin, UPM muncul Johan keseluruhan dengan mengumpul 13 emas, lapan perak dan tiga gangsa.

Tempat kedua dimenangi pasukan USM dengan 10 emas, lapan perak



Ivan menerima pingat kemenangan dari Mohamad Rafie setelah muncul Juara acara squash berpasukan di Sukan MASUM Siri 1 di Kompleks Squash, Stadium Hang Jebat, baru-baru ini.



Peserta UMS menunjukkan aksi semasa acara taekwondo poomsae di Kompleks Sukan UTeM, baru-baru ini.



Asiah bergambar kenangan bersama pemenang-pemenang acara renang.



Peserta acara renang rampaian lelaki ketika beraksi di Kompleks Renang Stadium Hang Jebat.

Nurul Sarah unggul Masum 2013

KUALA LUMPUR - Pelari kebangsaan yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM), Nurul Sarah Abdul Kadir mengungguli saingan akhir acara 100 meter wanita kejohanan olahraga Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) di Universiti Malaysia (UM) semalam dengan catatan 12.32 saat.

Tan Wei Ling dari UM meraih perak dengan catatan 12.89s manakala pingat gangsa milik Lily Hartini Ahmad Zaambri dari UTeM dengan masa 13.35s.

Saingan akhir acara lelaki pula menyaksikan pelari kebangsaan Mohd. Zabidi Ghazali yang mewakili UM terpaksa berpuas hati dengan pingat perak dengan catatan 10.94s, tewas kepada wakil UPM, S. Kannan yang meraih pingat emas dengan kepantasan 10.82s.

Eldy Sham Irion yang mewakili Uni-



NURUL SARAH

versi Sabah (UMS) di tempat ketiga dengan masa 11.03s.

Eldy Sham menebus kehampaannya dalam acara 100m apabila mengungguli acara 400m lar: berpagar dengan kepantasan 53.85s, pingat perak milik

Muhammad Adib Zubusni Aler dari UTeM (34.00s) manakala pingat gangsa diraih

Muhammad Anis Al Hafidz dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan catatan 57.89s.

Saingan akhir acara 400m lari berpagar wanita pula menyaksikan pelari UMS, Emmy Abkim muncul pemenang dengan masa 1:08.99s, diikuti Nurul Shafiqah Dawood dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang merekodkan 1:15.53s manakala Nuradila Salleh dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ketiga dengan masa 1:21.75s.

■ UPM akhiri kemarau gelaran MASUM ketepi cabaran UITM di final

Oleh Fauzi Rahim Mustafa
sukan@mediasipma.com.my
Sungai Petani

Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat kejayaan paling bermakna apabila muncul juara bola sepak Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2013 selepas berempas-pulas mengetepikan Universiti Teknologi Mara (UITM) 1-0, baru-baru ini.

Gol jaringan pemain tengah berasal dari Nigeria, Desmond Amadi pada minit ke-38 sudah cukup buat pengurus Mohd Masran Mat Aris tersenyum lebar sekali gus merebut hadiah wang tunai RM3,000.

"Biarpun hanya menang tipis, kemenangan ini amat bermakna sekali gus menamatkan kemarau gelaran selepas kali terakhir muncul juara MASUM pada 2007," kata adik bekas pemain kebangsaan, Mat Zan Mat Aris.

Kejayaan paling manis



PEGAWAI dan pemain UPM bersorak riang selepas muncul juara.

UPM mara ke final selepas mengatasi pesaing peringkat awal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 5-1, suku akhir

Universiti Sultan Zainal Abidin 2-1 dan separuh akhir Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 1-0.

Katanya, kejayaan itu hasil komitmen semua pemain yang mempamerkan semangat melawan kental.

Masran berkata, pemain UPM berhak bergembira atas kemenangan itu kerana tahun lalu mereka tersingkir

“Kemenangan ini amat bermakna sekali gus menamatkan kemarau gelaran selepas kali terakhir muncul juara MASUM pada 2007”

Mohd Masran Mat Aris

awal dan hanya berupaya menduduki tempat ketiga pada 2011.

UTM yang dibimbing jurulatih Azman Ezsoff membawa pulang wang tunai RM2,000 manakala UIAM ketiga RM1,000 selepas menewaskan Universiti Malaysia Kelantan 1-0.

Hadiah disampaikan Rektor UTM Merbok Dr Asmadi Mohammed Ghazali, diiringi Timbalan Dr Abdul Latif Abdul Rahman, Timbalan Rektor Akademik dan Alumni Dr Mahadi Ismail, Timbalan Pendaftar Noridah Sulaiman dan legenda bola sepak negara, Syed Ahmad Syed Abu Bakar.



UPPM

SPORTS

Channel

THANK YOU